

FTSM UKM NAIB JUARA MIROSOT FIRA ROBOWORLD CUP 2012

BRISTOL, UNITED KINGDOM - Pertandingan FIRA RoboWorld Cup 2012 melabuhkan tirai pada 25 Ogos 2012 dengan kemenangan kategori mirosot jatuh kepada kumpulan EDragon dan UKM pulang dengan kedudukan kedua. Bagi kategori simurosot pula, pasukan UKM mampu bertahan sehingga separuh akhir dan mendapat tempat keempat.

Bagi kategori mirosot, pertandingan peringkat akhir merupakan pertandingan paling sengit apabila pasukan UKM mula menjaringkan gol selepas ketinggalan 0-3 pada separuh masa pertama. Namun rezeki bukan milik pasukan UKM apabila keputusan akhir mencatatkan kemenangan kepada kumpulan EDragon (China) 3-6.

Pasukan UKM Berjaya memasuki peringkat separuh akhir selepas menjuarai peringkat kumpulan A dengan menewaskan Sahas (India) 23-0, RIT (Korea) 9-0 dan KylinSky (China) 7-1. Di peringkat separuh akhir pasukan UKM mengalami masalah frekuensi pada peringkat awal namun mampu bangkit semula dengan menewaskan SIOR (Korea) 4-3.

Pasukan Robot Soccer UKM merupakan pasukan dibawah seliaan Kumpulan Penyelidikan Pengecaman Pola, Pusat Teknologi Kecerdasan Buatan, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat dengan geran projek penyelidikan **UKM-PTS-2011-047** bertajuk **“Memperkasakan Pembelajaran Robot Soccer di kalangan pelajar FTSM”**.

